

# Mahasiswa Mesra Desa eratkan silaturahmi antara mahasiswa dan penduduk kampung

UB 29.11.2018 B2

LAHAD DATU: Seramai 22 ahli kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai program kemasyarakatan Mahasiswa Mesra Desa bertempat di Kampung Kompleks Anjung Teduh, Lahad Datu pada 3 sehingga 6 November lalu.

Program itu diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturahmi antara mahasiswa PRS dan penduduk kampung.

Program itu dianjurkan oleh Kelab Pemimbing Rakan Siswa, UMS bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dalam kumpulan dan semangat

cinta akan ilmu kepada anak-anak peneroka, selain menerapkan nilai-nilai murni dalam diri ahli PRS serta penduduk kampung seperti amanah, tolong-menolong dan cinta akan alam sekitar.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini berlangsung ialah gotong-royong sekitar masjid, senamrobik bersama penduduk kampung, memberikan motivasi dan ceramah kepada anak-anak peneroka khususnya tingkatan 5 dan tahun 6 yang bakal menempuh dunia pengajian tinggi dan alam sekolah menengah, melukis



**AKTIVITI gotong-royong bersama pelajar Sekolah Agama Anjung Teduh.**

mural di Tabika Kemas, dan Mega Rewang.

Turut hadir dalam penutupan program berkenaan ialah Pengurus Ladang Sahabat Dua, Ahmad

Matiaman merangkap penyelaras Kampung Kompleks Anjung Teduh bagi menyampaikan ucapan dan tanda penghargaan beliau dalam penutupan program berkenaan.

“Saya sangat bersyukur dan terharu kerana pihak penganjur memilih kampung kami untuk mengadakan pelbagai aktiviti khususnya dalam aktiviti kemasyarakatan dan memberikan motivasi kepada anak-anak Felda sebagai persediaan mereka kelak walaupun terpaksa menempuh lebih 8 jam perjalanan untuk sampai ke kampung kami ini,” kata Penyelaras Kampung Felda Anjung Teduh.



**AHLI jawatankuasa program bergambar bersama keluarga angkat.**